



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KARNIVAL PSH KOMUNITI MADANI DIKTIRAF MBOR, PENYERTAAN KURSUS PENDEK TERAMAI DAN SERENTAK DI SELURUH NEGARA

KUALA KANGSAR, 14 OKTOBER 2023 - Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Komuniti MADANI Tahun 2023 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menerima pengiktirafan *The Largest Participation Life-Long Learning Program Simultaneously* daripada The Malaysian Book of Records (MBOR) dengan penyertaan seramai 14,545 orang.

Sijil pengiktirafan telah diserahkan oleh Puan Siti Hajar binti Johor, wakil MBOR kepada Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK, Ts. Zainab binti Othman semasa Majlis Perasmian Penutup Karnival PSH Komuniti MADANI Tahun 2023, di sini, hari ini.

Ts. Zainab binti Othman ketika ditemui berkata, untuk memperoleh sesuatu pengiktirafan daripada mana-mana pihak bukanlah satu perkara yang mudah, ianya memerlukan satu perancangan yang mantap dan komitmen yang tinggi serta kerjasama daripada semua pihak terlibat.

“Alhamdulillah dan tahniah kepada seluruh warga dari 105 buah Kolej Komuniti yang telah mendapat pengiktirafan MBOR ini kerana telah melepasi daripada sasaran awal iaitu 10,000 orang peserta dengan melibatkan sebanyak 542 kursus pendek.

“Pengiktirafan MBOR ini akan memberikan lagi kekuatan dan inspirasi kepada warga Kolej Komuniti untuk merancang dan menyediakan lagi latihan yang berimpak tinggi dan sesuai dengan kehendak komuniti dengan keadaan semasa pada tahun-tahun akan datang”, katanya lagi.

Tambahnya lagi, dengan penganjuran karnival seumpama ini memberi kepercayaan bahawa kewujudan Kolej Komuniti serata Malaysia adalah amat diperlukan oleh komuniti untuk memberikan program-program dan latihan kemahiran tanpa mengira lapisan masyarakat dan peringkat umur.

“YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2024 di Dewan Rakyat yang bertemakan Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat baru-baru ini juga telah memperuntukan sejumlah RM5 juta untuk menggalakkan komuniti rentan seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas khususnya untuk mengikuti PSH di Kolej Komuniti,” ujarnya lagi.

Kursus pendek yang berjalan selama sehari ini ditawarkan kepada orang ramai secara percuma meliputi pelbagai bidang seperti katering dan sajian; komputer dan teknologi maklumat; perniagaan dan keusahawanan; kecantikan dan dandanan serta banyak lagi dan dikendalikan dan dipecahkan kepada 10 zon iaitu:

- i. Zon Perak - 13 buah Kolej Komuniti (KK);
- ii. Zon Perlis dan Kedah - 10 KK induk bersama dua (2) cawangan;
- iii. Zon Pulau Pinang - enam (6) KK;
- iv. Zon Selangor dan Kuala Lumpur - 10 KK;
- v. Zon Negeri Sembilan dan Melaka - 11 KK;
- vi. Zon Johor - 13 KK termasuk KK Satelit Pontian;
- vii. Zon Pahang - 11 KK termasuk KK Paya Besar Cawangan Maran;
- viii. Zon Kelantan dan Terengganu - enam (6) KK;
- ix. Zon Sabah - lapan (8) KK; dan
- x. Zon Sarawak - tujuh (7) KK termasuk KK Sarikei Cawangan Sibu.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
14 OKTOBER 2023**

LAMPIRAN BERGAMBAR



KAPSYEN: Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Ts. Zainab Othman bersama pihak MBOR dan warga Kolej Komuniti yang terbabit dalam Karnival PSH Komuniti MADANI Tahun 2023 memecah rekod menerusi *The Largest Participation Life-Long Learning Program Simutaneously*



KAPSYEN: Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Ts. Zainab Othman bersama pihak MBOR dan warga Kolej Komuniti yang terbabit dalam Karnival PSH Komuniti MADANI Tahun 2023 memecah rekod menerusi *The Largest Participation Life-Long Learning Program Simutaneously*